

NO. SOALAN : 43

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI
NASARAH [LENGGONG]**

TARIKH : 22.11.2017 (RABU)

DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH [LENGGONG]
minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN
KEPENGUNAAN** menyatakan

- a) apakah bentuk transformasi yang ingin dilakukan kepada Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) yang telah ditutup pada ketika ini serta bagaimana Kementerian membantu pekerja rangkaian kedai tersebut dalam mendapatkan pekerjaan baharu; dan
- b) sejauh mana penglibatan koperasi di dalam negara membantu dalam mengurangkan kos sara hidup.

97

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

- a) Pembangunan semula inisiatif Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) melalui KR1M 2.0 merupakan pelaksanaan model perniagaan baharu yang melibatkan kerjasama strategik antara Kerajaan dan pengendali operasi, pengeluar serta pengilang melalui konsep berikut:
- i) operasi perniagaan kendalian pemilik (*owner-operator*); dan
 - ii) penjenamaan bersama (*co-branding*).

Konsep yang lebih terbuka ini akan memberi peluang kepada lebih ramai pemilik perniagaan runcit menyertai rangkaian premis KR1M 2.0. Selain daripada itu, bilangan premis KR1M 2.0 akan lebih banyak dari KR1M sedia ada dan akan memberikan manfaat kepada rakyat, secara umumnya.

Tuan Yang Di-Pertua,

- b) Penglibatan koperasi dalam membantu mengurangkan kos sara hidup ialah melalui:
- i) pemerksaan Pusat Pengedaran (DC) dan Sub Pusat Pengedaran (Sub-DC) yang diurus oleh koperasi dengan membekalkan barang-barang keperluan secara terus kepada pengguna tanpa penglibatan orang tengah;
 - ii) penyediaan barang-barang keperluan melalui *outlet* runcit koperasi dengan menawarkan harga yang berpatutan; dan

- iii) jualan barang-barang segar/hasil laut di *MyFarm Outlet* melalui kerjasama Strategi Lautan Biru dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA).